

0918

R B186 DEB

MAHATHIR-MCA

1984

KUALA LUMPUR, 6 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP PERTIMBANGAN YANG WARAS WUJUD DI KALANGAN KEDUA-DUA PUAH DALAM MCA BAGI MEMBOLEHKAN KRISIS PARTI ITU YANG TELAH BERLARUTAN HAMPİR SETAHUNLAMANYA DIBELESAIKAN SEGERA.

MENYATAKAN KEBIMBANGANNYA TERHADAP PERSELISIHAN YANG BERTERUSAN DI ANTARA PUAH-PUAH DATUK DR. NEO YEE PAN DAN, ENCIK TAN KOON SWAN ITU, PERDANA MENTERI BERHARAP KEDUA-DUA PEMIMPIN AKHIRNYA MENCAPAI PERSEFAHAMAN.

+ SAYA SENTIASA BERHARAP AGAR PERTIMBANGAN YANG WARAS WUJUD, + BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU MERAMALKAN KRISIS ITU AKAN BERAKHIR SEBELUM AKHIRTAHUN INI.

DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional Mengulangi BAHAWA BELIAU TIDAK BERNIAT UNTUK CAMPUR TANGAN DALAM HAL HAWAL RUMAH TANGGA MCA DAN OLEH ITU BELIAU TIDAK MEMIHAK KE MANA-MANA DAN TIDAK JUGA MEMBERIKAN SEBARANG NASIHAT BAGAIMANA MENYELESAIKAN KRISIS ITU.

+ SATU-SATUNYA NASIHAT SAYA KEPADA SEMUA DALAM BARISAN NASIONAL IALAH MEREKA HENDAKLAH MEMBERSIHKAN RUMAH TANGGA MEREKA SENDIRI. RINGKASNYA, MEREKA HENDAKLAH MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA SENDIRI. +

DISOAL MENGAPA HCA NAMPAKNYA TXDAK MENGHIRAUKAN NABINATNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB, + YA, KADANGKALA SETENGAH-SETENGAH ORANG MENGAMBIL MASA LAMA SEDIKIT DAN SETENGAH-SETENGAH ORANG MENGAMBIL MASA KURANG SEDIKIT UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA. TETAPI AKHIRNYA, MEREKA AKAN MENCAPAI SESUATU. +

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KEDUA-DUA DATUK DR. NEO DAN ENCIK TAN SENTIASA MENEMUINYA DAN BERBINCANG DENGAN BELIAU.

+ SAYA TAK MEMIHAK SESIAPA. JADI, JIKA SAYA JUMPA DR. NEO SAYA JUGA PATUT BERJUMPA ENCIK TAN. +

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BELUM LAGI MENETAPKAN TARIKH BAGI MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL BERMESYUARAT YANG DIJANGKA MEMBINCANGKAN ISU-ISU PARTI SEMASA TEAMASUK KRISIS MCA TERSEBUT.

MENGENAI KEMUNGKINAN PILIHANRYA UMUM YANG AWAL, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMBANTAH SESIAPA PUN MEMBUAT SPEKULASI MENGENAI PERKARA ITU DAN MALAHAN, SETIAP ORANG BEBAS MEMBUAT RAMALANNYA SENDIRI.

+ ANDA BOLEHLAH BERKATA APA YANG ANDA SUKA RAN ANDA SEPATUTNYA TERUS BERKEMPEN SEHINGGA AKHIRNYA ANDA PENAT, + TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA.